

BAB

5

KESAN KEGANASAN GENDER TERHADAP KETIDAKTERJAMINAN MAKANAN

Mohd Anuar Ramli, Annuar Ramadhon Kasa, dan Mohammad Naqib Hamdan

5.1 PENGENALAN

Keganasan domestik merupakan isu kesihatan global dan hak asasi manusia. Secara asasnya, satu daripada tiga wanita di seluruh dunia pernah mengalami keganasan fizikal atau seksual sepanjang hidup mereka dan jumlah ini kekal statik selama hampir sedekad (Forsythe, 2023). Keganasan ini turut dirasai oleh golongan lelaki, kanak-kanak dan suri rumah meskipun kadangkala dianggap sebagai isu terpencil. Namun, sejak pandemik COVID-19, keadaan ini telah berubah di mana golongan yang rentan terhadap keganasan terpaksa berhadapan dengan dilema antara ketakutan untuk meninggalkan rumah akibat ancaman kesihatan dan dalam masa sama ketakutan menjadi objek pemangsaan (Drotning et al., 2023). Bagi mengelakkan krisis ini daripada berlarutan, golongan ini memilih untuk menyembunyikan masalah tersebut di samping bertujuan menjaga maruah diri, pasangan dan masa depan anak-anak, meskipun terpaksa berhadapan dengan implikasi buruk akibat pendirian tersebut (Fawole et al., 2021; Finkelhor et al., 2023). Situasi ini turut berlaku di Malaysia di mana sebanyak 18,433 wanita menderita akibat menjadi mangsa keganasan dalam tempoh empat tahun lalu (Polis Diraja

Malaysia, 2024). Pada masa yang sama, kes keganasan terhadap kanak-kanak turut meningkat saban tahun dengan 6,990 kes dilaporkan sejak tahun 2017 sehingga 2023 (Yahaya, 2024).

Secara umumnya, keganasan berasaskan gender merujuk kepada sebarang tindakan atau tingkah laku yang dilakukan dengan tujuan untuk mencederakan, memanipulasi serta memalukan individu tertentu. Menurut Arief dan Rahim (2020), keganasan merupakan tindakan berbaur serangan serta paksaan secara fizikal, seksual, psikologi, dan ekonomi terhadap pasangan intim. Berlakunya ketidakseimbangan kuasa yang dikekalkan oleh pola taktik kawalan paksaan di mana ugutan atau penderaan yang melibatkan pelbagai bentuk ancaman atau keganasan, meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan (Randawar & Zin, 2022). Fenomena ini berakar umbi dalam struktur sosial, norma, dan nilai yang memihak kepada mana-mana gender. Lazimnya, keganasan berasaskan gender membawa kepada dominasi lelaki dan penindasan terhadap wanita dan golongan minoriti gender, yang diperparahkan lagi oleh keadaan sosioekonomi yang lemah, ketidaksetaraan pendidikan, dan akses yang terbatas (Mittal & Singh, 2020). Ia merangkumi beberapa bentuk yang berbeza termasuklah secara fizikal, seksual, psikologi, ekonomi, verbal, sosial, spiritual dan ekonomi. (Arief & Rahim, 2020; Randawar & Zin, 2022).

Asasnya, keganasan ini berkaitan dengan pengabaian terhadap nafkah yang merangkumi penyediaan makanan, catuan makanan, pemberian kuantiti makanan mengikut gender, atau ketidakadilan gender dalam pengambilan makanan (Forsythe, 2023). Selain itu, ia juga memberi kesan negatif terhadap sekuriti makanan dengan berlakunya pengurangan kapasiti dan produktiviti produk-produk agrikultur akibat kecederaan yang dialami oleh mangsa keganasan (Okpara & Anugwa, 2022). Kedua-dua situasi ini mendorong kepada berlakunya gejala kelaparan, malnutrisi, dan kerencatan terhadap tumbesaran bagi mangsa keganasan akibat kegagalan mendapatkan makanan yang cukup, berkhasiat, dan seimbang (Mardones et al., 2020).

Walaupun masalah ketidakterjaminan makanan merupakan masalah global di mana kira-kira 3.1 bilion orang di seluruh dunia tidak mampu

membeli makanan sehingga sekiranya projek pembasmian kelaparan tidak diberi perhatian, 8% daripada populasi global akan menghadapi kelaparan pada tahun 2030 (*Global Food Security-GFSI*, 2022). Namun, normalisasi keganasan gender dengan stigma sosial dan kurangnya akses kepada sumber bantuan, menjadikan mangsa keganasan di Malaysia bukan sahaja terperangkap dalam kecederaan fizikal, mental, dan kemiskinan tetapi juga terperangkap dalam kitaran ketidakterjaminan makanan akibat keganasan yang dihadapi (Waterman et al., 2024).

Walau bagaimanapun, keganasan ini sering diabaikan kerana dianggap sebagai isu tertutup dan terdapat sebahagian masyarakat berpandangan bahawa ia adalah wajar kerana mengandungi unsur pengajaran (Okpara & Anugwa, 2022). Situasi seperti ini bukan sahaja selari dengan kehendak pelaku keganasan iaitu isolasi sosial terhadap mangsa yang menurunkan keupayaannya mendapatkan bantuan, tetapi dalam masa sama meningkatkan keupayaan pelaku keganasan di mana mangsa merasa tersisih dan tidak dipedulikan. Isu ini memberi pelbagai kesan negatif dari beberapa segi sekali gus menggambarkan pentingnya intervensi dan kesedaran komuniti dalam memulihkan semula rangkaian sistem makanan daripada belenggu keganasan berasaskan gender.

5.2 STATISTIK KES KEGANASAN

Di Malaysia, keganasan berasaskan gender telah menjadi satu fenomena terutamanya selepas pandemik COVID-19. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 5,507 kes keganasan berasaskan gender dilaporkan pada tahun 2023 berbanding jumlah kes yang lebih tinggi pada tahun 2022 iaitu sekitar 6,540 kes (Jon, 2024). Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (2023), merekodkan kes keganasan rumah tangga pada tahun 2022 adalah lebih rendah dengan 843 kes, yang melibatkan 768 kes keganasan terhadap wanita dan 75 kes keganasan terhadap lelaki. Kes ini lebih tinggi pada tahun sebelumnya iaitu 2021 di mana terdapat 1,234 kes keseluruhan melibatkan 1,151 kes terhadap wanita dan 83 kes terhadap lelaki (JKM, 2022). Pada tahun 2020, kes